



Dendam Mergastua

Cetakan 2017

Hak cipta terpelihara ©2017 Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta buku ini.

ISBN: 978-981-11-1615-5

Diterbitkan oleh:

Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura
Lelaman Internet: www.malaylanguagecentre.moe.edu.sg

**Dicetak pada tahun 2017 oleh:**

Oxford Graphic Printers Pte Ltd
Tel: 6748 3898
www.oxfordgraphic.com.sg

Penulis

Arfah Buang, Sekolah Sains dan Teknologi, Singapura
Hidayat Hamzah, Sekolah Rendah Gan Eng Seng
Khaziah Yem, Sekolah Rendah Eunus
Nazarudin Abdul Bakar, Sekolah Menengah Bedok View
Rahmat Subadah, Pusat Bahasa Melayu Singapura

Catatan

Cerita yang terkandung dalam buku ini tiada kaitannya dengan sesiapa baik yang masih hidup atau pun yang sudah meninggal dunia. Pendapat dan pandangan penulis tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pandangan Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Sekapur Sirih

Rahsia merupakan antara koleksi cerpen yang dihasilkan oleh kumpulan guru peserta program penyerapan ke Pekanbaru, Riau, Indonesia pada tahun 2016. Cerpen ini dihasilkan bagi menggalakkan pelajar agar minat membaca khususnya dalam kalangan pelajar Menengah 1 dan 2.

Penyediaan bahan bacaan yang berkualiti amat penting untuk memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar. Melalui bahan bacaan yang luas dan pelbagai, pelajar mampu meluaskan pengetahuan, kosa kata dan pandangan mereka tentang kehidupan.

Oleh itu, tema yang dipaparkan dalam cerpen-cerpen ini pelbagai bagi memenuhi kematangan dan cita rasa pelajar yang disasarkan. Bahasa yang digunakan pada umumnya mudah difahami. Namun terdapat usaha untuk meluaskan kosa kata pelajar memperkenalkan beberapa perkataan yang mampu memperkaya kosa kata mereka. Cerpen-cerpen ini juga mengandungi unsur-unsur nilai bagi membina sahsiah, jati diri dan memupuk nilai-nilai kemanusiaan sejagat.

Diharapkan **Rahsia** akan menjadi pemangkin kepada keinginan untuk memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar.

Selamat membaca!

Mohamed Noh Daipi

Pengarah, Pusat Bahasa Melayu Singapura

Akademi Guru Singapura

Kementerian Pendidikan Singapura

Prakata

Koleksi cerpen ini dihasilkan oleh para guru yang terlibat dalam Program Penyerapan bagi Guru Kanan ke Pekanbaru pada Mei 2016. Projek penulisan cerpen ini dilaksanakan bagi menggalakkan dan memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar.

Pelbagai tema dikupas bagi meningkatkan kesedaran pelajar tentang kehidupan. Antara tema yang dikupas dalam cerpen ini termasuklah tema kesabaran, pengorbanan, keinsafan, saling membantu, perjuangan, kasih sayang dan pencemaran alam.

Beberapa idea pengajaran dan soalan-soalan perbincangan disediakan bagi setiap cerpen untuk menggalakkan perbincangan dalam kalangan pelajar. Beberapa strategi bagi meningkatkan penglibatan pelajar dalam pembelajaran semasa membaca cerita turut diperkenalkan.

Selain itu, nilai-nilai yang dipaparkan dalam setiap cerpen diharapkan dapat membangun jiwa insan pelajar kita dan mengukuhkan jati diri mereka sebagai pengguna bahasa Melayu yang berkesan.

Semoga buku ini dapat dimanfaatkan oleh para guru dan menjadi bahan bacaan yang menyeronokkan bagi pelajar.

Sekian.

Rahmat Subadah

Guru Pakar, Pusat Bahasa Melayu Singapura

Ketua projek pembinaan koleksi cerpen **Rahsia**

DENDAM MERGASTUA

Khaziah Yem

Mata Sang Helang merenung tajam ke bawah. Ranting pokok yang menampung kehadirannya itu **berhinggut** sedikit. Dari atas pokok tualang, semuanya nampak kecil sahaja. Kelihatan haiwan-haiwan hutan berkumpul di bawah pokok tualang.

“Wahai, kaum **mergastua!**” Bergema hutan dengan ngauman Sang Raja Rimba diikuti oleh sahutan haiwan-haiwan penghuni hutan.

Sang Helang pun **meluncur** laju ke bawah. Dia bertenggek di atas sebuah batu besar di sebelah pokok tualang.



“Beta mengucapkan terima kasih atas kehadiran semua wakil mergastua. Pertemuan ini sangat penting. Ada berita buruk yang ingin beta sampaikan. Sang Helang akan memberikan penjelasan. Silakan, wahai Sang Helang.”

“Salam hormat semua. Nampaknya, manusia semakin hari semakin mengganas. Walaupun ditimpa bencana alam, manusia seakan-akan tidak peduli. Kejadian Tsunami, gempa bumi dan letusan gunung berapi sering melanda manusia. Kepanasan global pula semakin menjadi-jadi. Banyak nyawa dan harta benda manusia musnah termasuklah kaum mergastua sendiri. Walaupun begitu, manusia masih belum insaf. Mereka melakukan kerosakan di muka bumi ini. Kita harus melakukan sesuatu. Jika tidak, semua yang ada di bumi ini akan terhapus!”

Haiwan-haiwan yang lain mula berteriak-teriak bagai guruh menggegar alam. Masing-masing mengutarakan keresahan dan kebimbangan mereka. Tiba-tiba, Sang Kancil muncul lalu berkata, “Oleh itu apakah yang harus kita lakukan, wahai Sang Helang”



“Kita akan melancarkan perang terhadap manusia. Tetapi kita harus berhati-hati. Manusia sangat bijak. Kita juga harus bersiap sedia demi kedamaian bumi ini untuk generasi akan datang.”

“Sepandai-pandai manusia, ada kelemahannya juga. Ke manakah mereka akan pergi kalau bumi binasa? Adakah mereka fikir mereka boleh lari ke bulan atau ke Marikh?” Begitu nyaring dan tajam kata-kata Sang Kancil.

Haiwan-haiwan mula **gegak gempita**. Ada yang mengangguk-angguk kepala dan ada yang mencacici manusia. Ada juga yang tersenyum puas dengan kata-kata Sang Kancil.

“Ayuh semua! Kita akan berbincang mengenai strategi perang kita terhadap manusia. Tetapi, ingat! Tugas kita bukanlah untuk menghapuskan manusia. Kita hanya mahu menakut-nakutkan mereka supaya mereka sedar. Faham?”

“Faham!” Sahut semua wakil mergastua yang hadir.

Maka berbincanglah haiwan-haiwan untuk persiapan menyerang manusia. Serangan yang sememangnya ditujukan untuk memberikan peringatan dan amaran bukan untuk memusnahkan.

Sebulan kemudian, ramai manusia berasa resah dan gelisah. Ada yang dapat merasakan satu musibah akan berlaku. Semua haiwan menunjukkan tanda-tanda yang **ganjil**. Berita-berita tentang perlakuan aneh haiwan-haiwan tersebar luas di akhbar, berita dan media sosial.

Semua haiwan sedang menunggu arahan daripada Sang Helang. Mata haiwan-haiwan itu berkeliaran memerhatikan manusia yang masih **leka** dengan kehidupan mereka. Pada masa yang tepat, Sang Helang segera meniup **semboyan** peperangan. Tiupan semboyan ini tidak didengari oleh manusia kecuali para haiwan.

Kawasan kota menjadi sasaran utama. Di situlah ramai manusia berkumpul. Keluarlah semua warga tikus dan seluruh keluarga serangga seperti lipas, nyamuk, pepijat, anai-anai, dan semut merah lalu menyerang manusia.

Serangan mendadak yang dilakukan oleh golongan haiwan terhadap manusia menjadikan manusia panik. Walaupun bunyi semboyan kecemasan telah diaktifkan, namun manusia tidak sempat bertindak. Jeritan kedengaran di seluruh pelosok kota.

Apabila manusia keluar daripada tempat perlindungan mereka, burung-burung yang diketuai Sang Gagak pula menyerang. Kaum Gagak menyimpan dendam

kesumat terhadap manusia. Manusia sudah banyak kali menembak mati kaum Sang Gagak tanpa belas kasihan.

Sang Gagak menyerang tanpa belas kasihan. Ada yang terkeluar biji mata, ada yang mengalami luka parah pada kepala dan ada yang **tersungkur** ke tanah akibat di serang Sang Gagak. Jeritan dan tangisan manusia kedengaran di sini sana. Sungguh menyeramkan. Seakan-akan dunia hampir kiamat.



Haiwan-haiwan yang di dalam kandang seperti itik, burung, ayam dan ikan tidak dapat berbuat apa-apa. Namun, mereka berharap nasib mereka akan terbela setelah hidup sekian lama merana dipelihara manusia.

Haiwan-haiwan di taman haiwan semua tidak tentu arah. Mereka kebingungan. Walaupun tinggal di kandang yang **persis** seperti kawasan kediaman asal mereka, tidak sama nilainya dengan harga diri dan kebebasan yang tidak mereka miliki. Tempat kediaman yang dibina manusia bertentangan dengan **fitrah** golongan haiwan. Manusia memang kejam.

Kucing dan anjing juga kebingungan. Mereka serba-salah. Bukan semua manusia yang zalim terhadap binatang. Mereka telah dipelihara dengan penuh kasih sayang. Mereka tidak tergamak untuk menyerang tuannya mereka.

Kegemparan di kota membuatkan manusia lari **berbondong-bondong** ke kawasan luar kota. Manusia

bingung dan terkejut dengan serangan haiwan yang datang secara tiba-tiba. Bagi mereka perkara itu merupakan satu **fenomena** alam yang memang payah untuk dijelaskan.

Sang Helang masih memandang kawasan sekeliling dengan panahan tajam matanya. Dia segera melaporkan kepada Sang Raja Rimba tentang tindakan manusia yang berlari ke luar kota.

"Sudah! Cukup! Kita sudah cukup menakut-nakutkan mereka. Ingat, bukan urusan kita untuk membunuh mereka! Kita berharap manusia sedar akan kesalahan mereka. Sekarang, kaum haiwan telah memberikan peringatan. Beta berharap kaum manusia tidak berperang sesama sendiri."

"Sang Raja Rimba, menurut apa yang hamba tahu, manusia telah pun berperang dan saling berbunuh-bunuhan semasa sendiri." Sahut Sang Helang.

“Ya. Nampaknya kita hanya menunggu masa. Masanya pun hampir tiba. Baliklah. Urusan kita sudah tamat. Kita hanya menunggu sahaja,” sayu sungguh suara Sang Raja Rimba.

Maka bergeraklah semua mergastua dengan urusan mereka masing-masing. Mereka hanya menunggu masa. Menunggu tiupan semboyan yang bakal didengari lagi.

Renungan

Demi kemajuan dan pembangunan, manusia sanggup menghancurkan alam sekitar.

Apakah renungan kamu mengenai perbuatan haiwan-haiwan menyerang manusia?

Glosari

1. **berhinggut** – bergoyang
2. **mergastua** – binatang liar
3. **meluncur** – bergerak (terbang) dengan cepat
4. **menggegar** – menggoncang
5. **gegak gempita** – riuh-rendah, bising, gempar
6. **ganjil** – aneh, pelik
7. **leka** – lalai
8. **semboyan** – isyarat untuk memberitahu (bunyi)
9. **kesumat** – perasaan benci
10. **tersungkur** – jatuh tertiarap, jatuh tersembam, jatuh dan muka terkena tanah
11. **persis** – sama
12. **fitrah** – tabiat (sifat), pembawaan
13. **berbondong-bondong** – bergerak beramai-ramai
14. **fenomena** – sesuatu kejadian yang dapat diperhatikan

SEKALUNG BUDI

Akar keladi melilit selasih,
Selasih tumbuh di hujung taman;
Kalungan budi junjungan kasih,
Mesra kenangan sepanjang zaman.

Terima kasih diucapkan kepada Pusat Bahasa Melayu Singapura yang telah menyediakan wadah bagi penerbitan koleksi cerpen **Rahsia**.

Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua guru yang telah menyumbangkan karya cerpen mereka dalam penerbitan koleksi cerpen **Rahsia**.

Terima kasih juga kepada Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu atau MLLPC kerana telah mentauliahkan program penyerapan bagi Guru Kanan bahasa Melayu Singapura dan membolehkan para guru mengikuti program penyerapan yang mencetuskan idea bagi penerbitan koleksi cerpen **Rahsia**.

Dan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau pun tidak dalam penerbitan dan lahirnya koleksi cerpen **Rahsia** sebagai wadah dan bahan bacaan bagi pelajar di sekolah menengah di Singapura.



Ministry of Education
SINGAPORE

